

10 NOV 1999

Dewan-Bubar

DEWAN UNDANGAN NEGERI DIBUBAR SERENTAK ESOK

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Dewan-dewan Undangan Negeri di seluruh negara kecuali Sabah dan Sarawak dibubarkan serentak berkuatkuasa esok (11 Nov) untuk membolehkan pilihan raya negeri diadakan serentak dengan pilihan raya Parlimen.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini berkenan membubarkan Parlimen berkuatkuasa esok bagi membolehkan pilihan raya umum ke-10 diadakan.

Sabah dan Sarawak tidak membubarkan Dewan Undangan Negeri masing-masing kerana pilihan raya Sabah baru diadakan pada Mac lepas manakala Sarawak pula dijadual mengadakan pilihan raya negerinya tahun depan.

Di ALOR SETAR: Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah akan dibubarkan esok, kata Speakernya Abdul Razak Hashim.

Beliau yang dihubungi hari ini berkata pembubaran itu adalah bertepatan dengan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan semua DUN turut dibubarkan esok.

Dalam persidangan berita yang disiarkan secara langsung di Putrajaya petang ini, Dr Mahathir mengumumkan pembubaran Parlimen dan DUN bermula esok bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan.

Abdul Razak berkata beliau dan Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid akan mengadap Sultan Kedah untuk memperkenankan pembubaran itu pagi esok.

Dengan pembubaran itu, persidangan DUN untuk membentangkan Belanjawan Kedah bagi tahun 2000 pada 15 Nov ini dibatalkan, katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Speaker DUN Terengganu Datuk Abdul Rahman Mohamad berkata Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad akan menghadap Sultan Terengganu selepas pulang dari Kuala Lumpur bagi menyerahkan surat pembubaran DUN untuk ditandatangani.

Katanya adalah menjadi tradisi pembubaran DUN itu dibuat serentak dengan pembubaran Parlimen.

"Surat itu telah pun sedia, hanya tunggu tanda tangan Sultan sebagai tanda perkenan pembubarannya," katanya.

Beliau berkata Wan Mokhtar masih berada di Kuala Lumpur dan dijangka pulang malam ini.

DUN Terengganu kini dikuasai oleh Barisan Nasional (BN) dengan majoriti lebih dua pertiga daripada 32 kerusi DUN dan tujuh daripada lapan kerusi Parlimen.

Umno menguasai 24 kerusi DUN dan tujuh Parlimen manakala MCA satu kerusi DUN dan PAS tujuh kerusi DUN dan satu kerusi Parlimen.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dijangka mengemukakan surat menasihati Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir mengenai pembubaran DUN pagi esok.

Setiausaha Akhbar Ketua Menteri, Zasman Asna ketika dihubungi berkata Dr Koh akan mengadakan persidangan berita mengenainya di pejabat Ketua Menteri di sini esok.

Speaker DUN Datuk Yahaya Abdul Hamid ketika dihubungi pula berkata setakat ini, beliau belum menerima surat mengenai pembubaran dewan berkenaan.

"Adalah menjadi peraturan, surat nasihat mengenai pembubaran dewan itu terlebih dahulu akan diserahkan kepada Yang Dipertua Negeri sebelum pengumuman mengenainya dibuat", katanya.

Setiausaha Sulit Yang Dipertua Negeri Shahool Abdul Hamid berkata pejabatnya juga setakat ini belum mendapat maklumat mengenai surat

berkenaan.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin dijangka menghadap Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin tengah hari esok bagi mendapat perkenan pembubaran DUN.

Yang Dipertua Negeri dijangka menandatangani notis pembubaran DUN. Pembubaran itu adalah mengikut Fasal (2), Bab 19 Perlembagaan Negeri Melaka (Bah. ii).

Makluman mengenai perkara itu akan dibuat kepada semua 25 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) termasuk tiga orang Adun daripada DAP.

Pada pilihan raya umum lepas, BN memenangi 22 daripada 25 kerusi DUN dan empat daripada lima kerusi Parlimen.

Di JOHOR BAHARU, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman akan menghadap Sultan Johor esok berhubung pembubaran DUN.

Speaker DUN Johor Datuk Ali Hassan memberitahu Bernama hari ini bahawa majlis menghadap itu dijangka berlangsung pada kira-kira pukul 12 tengah hari di Istana Bukit Serene.

DUN Johor mempunyai 40 kerusi. Daripada jumlah itu, Umno mewakili 25 kerusi, MCA 11 kerusi manakala Gerakan dan MIC, masing-masing dua kerusi.

Pada pilihan raya umum 1995, BN menyapu bersih kesemua 40 kerusi DUN di Johor.

Sementara itu di IPOH, persidangan ketiga, mesyuarat ketiga, penggal kelima Dewan Negeri Yang Kesembilan yang dijadualkan esok dibatalkan, menurut kenyataan akhbar pejabat Menteri Besar Perak yang dikeluarkan di sini hari ini.

Persidangan dewan yang bermula semalam dengan pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan 2000 oleh Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib sepatutnya berakhir esok.

Di KANGAR, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim akan menghadap Raja Perlis secepat mungkin berhubung pembubaran DUN Perlis.

Di SEREMBAN, Speaker DUN Negeri Sembilan, Datuk Hamdan Mohammad ketika dihubungi berkata seperti lazimnya, DUN akan dibubarkan serentak dengan pembubaran Parlimen.

Katanya berdasarkan itu maka DUN Negeri Sembilan akan dibubarkan esok selepas perkenan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar.

Di KUANTAN, Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang, Datuk Abdullah Kia berkata pembentangan Belanjawan Negeri pada persidangan DUN yang dijadualkan pada 22 Nov ini terbatal berikutan pembubaran dewan esok.

Persidangan dewan itu pada mulanya dijadualkan dari 22 Nov hingga 25 Nov ini bagi pembentangan dan perbahasan Belanjawan Negeri tahun 2000.

Katanya Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob akan menghadap Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah untuk mendapatkan perkenan baginda bagi menandatangani notis pembubaran DUN Pahang.

Pada pilihan raya umum 1995, BN memenangi kesemua 11 kerusi Parlimen dan 37 daripada 38 kerusi DUN. Kerusi tunggal yang dimenangi DAP ialah bagi DUN Triang.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat akan menghadap Sultan Kelantan malam ini bagi mendapatkan perkenan pembubaran DUN Kelantan.

Beliau akan menyerahkan surat memohon perkenan pembubaran dewan itu bagi membolehkan pembubaran dewan dibuat serentak dengan pembubaran Parlimen berkuatkuasa esok.

"Kita akan buat serentak dengan pusat", katanya kepada pemberita selepas bermesyuarat dengan pemimpin PAS negeri di kediaman rasmi Menteri Besar di sini, petang ini.

Nik Aziz juga berkata PAS Kelantan telah bersedia menghadapi pilihan raya umum itu termasuk telah memutuskan senarai bakal-bakal calon Parti untuk bertanding di kawasan Parlimen dan DUN.

Beliau yakin PAS akan dapat mempertahankan kerajaan Kelantan yang dikuasainya sejak 1990.

PAS kini menguasai 26 kerusi DUN dan 17 kerusi lagi dimenangi BN. Bagi Parlimen, PAS menguasai enam kerusi manakala BN lapan kerusi.

Di KLANG, Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata DUN Selangor akan dibubarkan esok serentak dengan pembubaran Parlimen.

Menurutnya beliau akan mengadap Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah di Istana Mestika di sini pada pukul 8.30 pagi untuk memaklum dan mendapatkan perkenan baginda mengenai pembubaran itu.

Abu Hassan yang juga merupakan Pengerusi Badan Perhubungan Umno dan BN berkata BN akan menurunkan beberapa muka baru untuk bertanding pada pilihan raya kali ini.

Menurutnya beliau akan berusaha menunaikan janjinya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menawan kesemua 17 kerusi Parlimen dan 48 kerusi DUN yang dimenangi BN pada pilihan raya 1995.

Pada pilihan raya lepas, BN memenangi 45 daripada 48 kerusi DUN dan tewas di DUN Bukit Gasing, Damansara Utama dan Bandar Klang manakala bagi Parlimen, BN menyapu bersih kesemua 17 kawasan.

DAP yang memenangi tiga kerusi DUN, bagaimanapun hilang kerusi Bandar Klang pada Feb lepas apabila wakil rakyatnya, Chua Kow Eng keluar daripada parti itu dan menubuhkan Parti Demokratik Malaysia.

AZH LAT